

NKRA Program Transformasi 1TNB Mampu Angkat Imej TNB Ke Tahap Tinggi - Najib Bernama
Mei 16, 2014

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Kerajaan yakin enam Bidang Keberhasilan Utama dalam program Transformasi 1Tenaga Nasional Berhad (TNB) mampu mengangkat maruah dan imej organisasi berkenaan ke tahap yang lebih tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata program transformasi itu, yang dilancarkan hari ini, merangkumi penambahbaikan hubungan dengan pihak kawal selia dan melangkaui kepuasan pelanggan.

Ia turut menggariskan usaha untuk meluaskan perniagaan baharu, mengurus kos dan operasi secara efisien, mentransformasi organisasi dan memperkukuhkan Sabah Electricity Sdn Bhd.

"Kita mesti pastikan wujudnya budaya kecemerlangan, maknanya kita mesti memburu kecemerlangan, kita mesti sentiasa efisien (dalam) mengurangkan kos, empowerment, mencari peluang perniagaan. Segala-galanya mestilah diberi perhatian.

"Jangan lupa integriti sebab segala-galanya tidak ada makna kalau tidak ada integriti," kata beliau ketika berucap pada Perhimpunan Warga Kerja TNB sempena sambutan Hari Pekerja di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB di sini.

Turut hadir Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan Timbalannya Datuk Seri Mahdzir Khalid serta Pengerusi TNB Tan Sri Leo Moggie.

Najib berkata kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap apa yang difikirkan perlu untuk menjamin syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu menjadi sebuah organisasi berstatus juara serantau dan juara global dalam pembekalan elektrik pada masa depan.

"Sebab itulah kita kena menimbangankan perkara-perkara yang kadang-kadang agak sukar misalnya sama ada tarif elektrik hendak dinaikkan atau tidak," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata pertumbuhan ekonomi negara akan terjejas dan perjalanan Malaysia untuk menjadi negara maju mungkin tinggal sebagai impian jika satu daripada fundamental negara iaitu bekalan elektrik terjamin dengan harga kompetitif, tidak diutamakan.

"Sejarah TNB begitu gemilang, saya tahu mereka yang berkhidmat dengan TNB mempunyai kesetiaan yang cukup tinggi. Sekali bersama TNB, sentiasa bersama TNB," kata beliau.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Najib turut membacakan sebuah nota ringkas yang ditulis seorang pekerja TNB yang mengucapkan tahniah di atas kecekalan beliau selain

mendoakan kesejahteraan beliau.

"Ada seorang pekerja tadi menghulur nota kepada saya, notanya berbunyi: 'Tahniah Datuk Seri, semoga Allah memberi rahmat kepadamu di dunia dan akhirat atas kecekalanmu memimpin negara'.

"Anda membawa kegembiraan kepada saya, Terima Kasih," kata Najib sambil disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 2,500 pekerja TNB.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038893>